

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 DECEMBER 2016

Malaysia menuju ke arah yang tepat – PM

UM - 10/12/2016

KUALA LUMPUR 9 Dis. - Malaysia telah mengambil langkah yang tepat dalam membangunkan kepakaran global yang diperlukan bagi menggerakkan negara ke arah pembangunan lestari, termasuk melindungi dan memelihara persekitaran bumi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) bagi tempoh lima tahun iaitu 2016 hingga 2020 telah mencerminkan komitmen kerajaan dalam mengukuhkan pembangunan lestari dari pelbagai dimensi bagi mencapai Matlamat Pembangu-

nan Lestari (SDG).

Katanya, rancangan yang bertemakan Memacu Pembangunan Masyarakat itu menekankan enam teras utama dalam memacu ekonomi negara ke hadapan, menangani cabaran dan merebut peluang dalam landskap global yang lebih pesat.

“RMK-11 mencerminkan komitmen kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat dan potensi semua golongan untuk berkongsi faedah hasil daripada kemakmuran negara.

“Di samping itu, rancangan ini juga berupaya mewujudkan

Malaysia sebagai sebuah negara yang inklusif, lengkap dengan persekitaran alam semula jadi yang mapan menjelang 2020,” katanya ketika berucap melancarkan Pusat Pembangunan Lestari Jeffrey Sachs di Universiti Sunway dekat sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi dan Pengasas Kumpulan Sunway yang juga Canselor Universiti Sunway, Tan Sri Dr. Jeffrey Cheah; Pengarah Pusat Pembangunan Lestari, Prof. Jeffrey Sachs dan Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Zakri Abdul Hamid.